

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YBP 303 - Perancangan dan Pelaksanaan
Kempen Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Andaikan Majlis Perbandaran Pulau Pinang ingin menjalankan satu kempen kebersihan di Persiaran Gurney,
 - (a) Kenalpastikan audian sasaran kempen dan terangkan mengapa anda memilih kumpulan tersebut.
 - (b) Terangkan jenis maklumat yang anda perlu bagi menjalankan kajian baseline. Huraikan maklumat dan pembolehubah anda.
 - (c) Bagi meninggikan kekesanan kempen, apakah langkah yang anda perlu lakukan? Bincang jawapan berdasarkan faktor yang ditekankan oleh Adhikarya dan Posamentier.
 - (d) Katalah kempen mempunyai logo khas. Bentangkan satu soalselidik untuk pra-ujian logo kempen.

(40 markah)

2. Bandingkan proses perancangan komunikasi oleh Adhikarya dan Posamentier dan Buruspha. Apakah kelemahan dan kekuatan bagi setiap model?

(30 markah)

... 2/-

3. Apakah "hipotesis pengaliran maklumat dua-tahap"? Kritikkan hipotesis tersebut dan bagaimana ia menyumbang kepada "jurang kesan komunikasi"? Bagaimanakah perancangan kempen mengatasi masalah "jurang kesan komunikasi"?

(30 markah)

4. Bincangkan perbezaan pendapat antara Mendelsohn ("Some Reasons Why Information Campaign Can Succeed") dan Hyman & Sheatsley ("Some Reasons Why Information Campaign Fail"). Mengapakah perbezaan pendapat berlaku?

(30 markah)

-oooOooo-